

01 NOV 2003

KLIBOR-MINGGUAN/I

PASARAN HADAPAN KLIBOR DIJANGKA TIDAK BANYAK BERUBAH

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Pasaran hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) tiga bulan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) lima tahun dijangka tidak banyak berubah minggu depan.

Peniaga berkata pelabur mungkin akan terus berada di pinggiran sambil menunggu kalau-kalau ada perkembangan terbaru setelah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah sebagai perdana menteri kelima semalam menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara selepas berkhidmat selama 22 tahun.

Minggu ini, pasaran hadapan Klibor dan MGS diniagakan bercampur-campur dalam dagangan yang tipis.

Berbanding minggu lepas, kontrak hadapan Klibor Sept. 2004 naik dua mata kepada 96.63, Dis. 2004 naik empat mata kepada 96.38, Mac 2005 naik 11 mata kepada 96.13 dan Jun 2005 naik satu mata kepada 95.88. Klibor tiga bulan pendasar kekal pada 3.10 peratus.

Jumlah dagangan berkurangan kepada 1,271 lot berbanding 1,387 lot minggu lepas.

Kontrak hadapan MGS Dis. 2003 susut 25 mata kepada 105.50 dan Mac 2004 susut 15 mata kepada 104.30.

Jumlah dagangan berkurangan kepada 330 lot daripada 1,029 lot minggu lepas. -- BERNAMA

CL FR JR